

TEKS UCAPAN
YANG DIPERTUA MPSP
MAJLIS PERASMIAN BUTTERWORTH FRINGE FESTIVAL 2015
JALAN JETI LAMA, BUTTERWORTH
15 OGOS 2015 (SABTU), 11:40 PAGI

.....

Yang Amat Berhormat Tuan Lim Guan Eng
Ketua Menteri Pulau Pinang

Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Rashid bin Hasnon
Timbalan Ketua Menteri 1

Yang Berhormat Tuan Prof. Dr Ramasamy A/L Palanisamy
Timbalan Ketua Menteri 2

Yang Berhormat Ahli-ahli EXCO

Yang Berhormat ADUN & Ahli Parlimen

Yang Berusaha Encik Joe Sidek
George Town Festival

Yang Berusaha Encik Hamdan Abdul Majeed
Executive Director
Merangkap Board of Director Think City Sdn. Bhd

Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali bin Hj Mohamud
Setiausaha Perbandaran, Majlis Perbandaran Seberang Perai

Para Penaja Butterworth Fringe Festival 2015

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Dato' Seri / Dato / tuan / puan sekalian.

Para Wartawan

Yang Berhormat Tuan-Tuan, Puan-Puan hadirin yang dihormati
sekalian,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan

Salam Sejahtera

Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah, izin dan kurnianya dapat kita sama-sama berhimpun pada pagi ini dalam Majlis Perasmian Butterworth Fringe Festival 2015 atau "Festival Pinggiran Butterworth 2015". Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi ucapan ribuan terima kasih kepada Y.A.B Tuan Lim Guan Eng Ketua Menteri, YB-YB, tuan-tuan dan puan-puan yang turut sudi hadir walaupun padat dengan program pada hari ini. Ucapan terima kasih saya dipanjangkan kepada pihak Think City Sdn.Bhd, En.Joe Sidek, Ketua Jabatan serta kakitangan MPSP yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan Butterworth Fringe Festival 2015. Penganjuran BFF ini adalah kolaborasi di antara Majlis Perbandaran Seberang Perai dengan sokongan penuh Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Think City Sdn.Bhd dan

George Town Festival (GTF). Program yang julung-julung kali diadakan di Seberang Perai ini merupakan program pengisian selaras dengan pelaksanaan Pelan Butterworth Baru iaitu yang wujud sebagai *catalyst* dalam merancakkan ekonomi penduduk setempat khususnya dan juga sebagai satu festival yang bertujuan untuk memperkenalkan nilai-nilai budaya tempatan dan antarabangsa.

YAB, YB, Tuan-Tuan, Puan-Puan hadirin yang dihormati sekalian,

Sejajar dengan pelaksanaan Butterworth Fringe Festival diharapkan akan merancakkan lagi kegemilangan Bandar Butterworth sebagai sebuah bandar yang bakal menjadi hub pengangkutan di wilayah koridor Utara dan serantau. Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Majlis Perbandaran Seberang Perai, Think City dan George Town Festival mengharapakan komuniti setempat khususnya dan seluruh negeri Pulau Pinang secara amnya akan hadir bagi menjayakan *Butterworth Fringe Festival* yang akan bermula pada hari ini 15 Ogos 2015 sehingga 16 Ogos 2015. Saya dengan ini sekali lagi amat mengharapakan semua stakeholders dan seluruh penduduk negeri Pulau Pinang untuk sama-sama mengambil bahagian dalam *Butterworth Fringe Festival* ini.

YAB, YB, Tuan-Tuan, Puan-Puan hadirin yang dihormati sekalian,

Kehadiran semua pihak pada hari ini di hujung minggu adalah mencerminkan satu komitmen yang luhur dalam menjayakan Butterworth Fringe Festival yang mana menjanjikan akan membawa kelainan dari segi konsep persembahan iaitu "*Street Project*" yang mana dibawa merupakan kesinambungan daripada George Town Festival yang berlangsung di George Town. *Butterworth Fringe Festival* akan menjanjikan pelbagai kelainan aktiviti yang menarik untuk masyarakat melihat dan menghayati dengan lebih dekat. Pelbagai acara yang akan dipersembahkan yang mana bakal menjadikan Butterworth sebagai hub acara inovatif, kreatif dan persembahan kebudayaan dan juga cara hidup masyarakat. Pelbagai acara tempatan dan antarabangsa yang akan dipersembahkan adalah seperti Victoria & Armenian Street Project, The French Flavour, Voluminosity, Cette Immense, Snuff Puppets dan pelbagai lagi cara yang akan menjadi pengisian sepanjang program ini berlangsung yang mana berteraskan asimilasi budaya serantau dan pastinya membawa pengisian acara yang menjanjikan kelainan kepada seluruh penduduk Seberang Perai khususnya dan negeri Pulau Pinang amnya.

YAB, YB, Tuan-Tuan, Puan-Puan hadirin yang dihormati sekalian,

Seperti yang telah kita sedia maklum, Majlis Perbandaran Seberang Perai dengan kerjasama Think City mengorak langkah mewujudkan kolaborasi dua hala dalam memangkin pertumbuhan semula bandar Butterworth. Kajian dan perancangan Bandar Butterworth telah dilaksanakan dengan mewujudkan Pelan Butterworth Baharu sebagai satu garis panduan bagi pembangunan semula bandar. Pelan ini diharapkan membawa perubahan dan penambahbaikan yang dinamik di bandar Butterworth. MPSP yang kini aktif dalam usaha menaiktarafkan bandar Butterworth melalui projek-projek infrastruktur, berkongsi matlamat yang sama bersama Think City iaitu untuk mengekalkan kesinambungan budaya, kerancakkan ekonomi dan pembangunan lestari untuk didiami meliputi projek pembangunan semula pembangunan bandar.

YAB, YB, Tuan-Tuan, Puan-Puan hadirin yang dihormati sekalian,

Saya bagi pihak MPSP mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang bersama-sama menjayakan Butterworth Fringe Festival iaitu George Town Festival dan Think City. Seterusnya kepada seluruh kakitangan MPSP yang bertungkus lumus dan persiapan penganjuran BFF. Dikesempatan ini saya ingin merakamkan setinggi-

tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada penaja-penaja yang telah mewujudkan jaringan kolaborasi dalam menjayakan penganjuran Butterworth Fringe Festival 2015 iaitu terdiri daripada : Belleview Development, PJD Eastern Land Sdn.Bhd, EcoWorld, IJM Land, Palmington Sdn.Bhd anak Syarikat Tambun Indah, Tah wah Group, The Light Hotel, Sunway Hotel, IXORA Hotel, Penang Port Sdn. Bhd, Rapid Penang, Polis DiRaja Malaysia (PDRM), St.Johns Ambulance, Penang Grand Sentral, RELA, dan individu-individu yang terlibat dalam program kolaborasi BFF 2015. Terima kasih juga kepada RTM Negeri Kedah dan Pi Mai FM kerana telah membuat hebahan dan mempromosikan BFF di Kedah dan Kuala Lumpur juga kawasan liputan sekitar frekuensi. Harapan saya, moga jaringan kolaborasi ini tidak terhenti di sini, pastinya ianya satu permulaan yang baik kepada semua pihak untuk terus menjalinkan hubungan kerjasama yang erat dalam program-program yang akan datang.

Sekian dulu ucapan saya, saya sudahi dengan Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih